

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Operasi SAR dilaksanakan 24 jam

Kebanyakan mangsa ditemui tertimbuk pada kedalaman 1.2 meter

Batang Kali: Seramai 19 orang maut, manakala 15 lagi masih hilang dalam kejadian tanah runtuh di tapak perkhemahan Father's Organic Farm, Gohtong Jaya, di sini, awal pagi semalam.

Sehingga jam 6 petang semalam, pihak berkuasa mengesahkan 61 daripada keseluruhan 94 mangsa selamat.

Daripada keseluruhan 94 mangsa, 80 orang adalah mereka yang datang berkhemah di situ manakala 14 adalah pekerja ladang berkenaan warganegara Myanmar.

Sebanyak 18 mayat berjaya dikeluarkan, manakala seorang lagi mangsa yang terkorban masih diusahakan untuk dikeluarkan jam 6 petang semalam.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendant Suffian Abdullah, pada sidang media petang semalam berkata keadaan fizikal mangsa yang ditemui meninggal dunia dalam kejadian tanah runtuh, mampu dikenal pasti oleh waris.

Katanya, ini kerana kecederaan yang dialami oleh mangsa yang meninggal dunia tidak banyak kesan kecederaan yang serius.

"Mana-mana waris mangsa yang terbabit boleh datang ke Unit Forensik, Hospital Sungai Buloh, bagi proses pengecaman.

"Dalam kenyataan sebelum ini, kami ada menyatakan untuk hadir ke Hospital Kuala Lumpur (HKL), namun HKL kemudian meminta untuk semua mangsa dibawa ke Hospital Sungai Buloh



Anggota Bomba dan Penyelamat Malaysia menggunakan anjing pengesan untuk mencari mangsa yang dikhawatir tertimbuk di lokasi tanah runtuh di Batang Kali, semalam.

(Foto BERNAMA)

(HSB)," katanya.

Beliau mengesahkan pemenuhan mayat ke 17 dan 18 yang juga adalah pasangan ibu dan anak perempuan yang berusia antara tiga atau empat tahun.

Dalam perkembangan berkai-

tan Pengarah Jabatan Bomba Selangor, Datuk Norazam Khamis, berkata berdasarkan pemenuhan keseluruhan pemenuhan mayat, 16 ditemui di Sektor A (Hilltop), manakala pasangan ibu dan anak ditemui di

Sektor C atau (Riverside).

"Setakat ini pada jam 5.30 petang tadi (semalam) terdapat satu lagi pemenuhan mangsa namun oleh Unit Anjing Pengesan (K9) JBPM, namun proses membawa keluar mangsa itu masih dijalankan," katanya.

Beliau berkata secara keseluruhan, mangsa yang tertimbuk berada dalam kedudukan sedang 1.2 meter.

Katanya operasi mencari dan menyelamat (SAR) akan dilaksanakan 24 jam sehingga semua mangsa ditemui bergantung kepada keadaan cuaca.

11 mayat dihantar ke HSB

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata sehingga jam 4.20 petang semalam, sebanyak 11 mayat mangsa tragedi itu berada di unit forensik HSB.

"Setakat ini (jam 4.20 petang) 11 mayat telah sampai di sini (HSB) namun masih belum menjalani apa-apa proses. Pihak hospital sedang menunggu arahan



Antara mangsa yang terselamat dibawa ke Balai Polis Hulu Yam Bharu, semalam.

(Foto BERNAMA)



bedah siasat (*post-mortem order*) dari pihak polis bagi proses terusnya," katanya kepada media.

Selain itu, Dr Zaliha turut mengesahkan pihak kementerian ada menyediakan perkhidmatan kaunseling untuk proses *antemortem* kepada waris mangsa.

"Dengan adanya *antemortem*, akan dapat mempercepatkan proses pengecaman dan penyerahan mayat kepada waris setelah selasi," katanya.

Selain itu, beliau berkata pasukan forensik daripada beberapa hospital di sekitar Lembah Klang dihantar bagi membantu proses bedah siasat di hospital itu.

Pihak hospital menjangkakan beberapa lagi mayat akan tiba dalam masa terdekat.

"Identiti semua mayat masih belum dikenalpasti. Pasukan perubatan Forensik menyediakan sebanyak lima pasukan petugas terdiri dari pegawai perubatan perawatan kesihatan.

"Turut dibantu oleh petugas Jabatan Forensik Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Puncak Alam untuk menjalankan bedah siasat," katanya.

Sementara itu, pekarangan Jabatan Forensik HSB dipenuhi keluarga mangsa yang sedang memberikan maklumat *antemortem* kepada pihak hospital.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA!



Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN, NUR ALWANI ZAFIRAH KHAIRUL, HARRITH HISHAM, AZMI NORDIN, NURUL IZZATI ZAINI dan TUAN NURHIDAYAH TUAN AB GHANI

Ragut 19 nyawa, 15 lagi masih hilang dalam tragedi tanah runtuh

Malapetaka tanah runtuh Batang Kali

HULU SELANGOR — Ibarat malapetaka apabila sekumpulan 94 individu yang sedang lena tidur dalam khemah masing-masing dikejutkan dengan kejadian tanah runtuh hingga meragut 19 nyawa, manakala 15 lagi masih hilang dalam kejadian di Jalan Genting-Batang Kali di sini semalam.

Kejadian di tiga tapak perkhemahan pada pukul 2.24 pagi itu berlaku apabila berlaku pergerakan tanah di kawasan kaki cerun hingga mengakibatkan ia menggelongsor sejauh 150 meter lalu 'menelan' mangsa-mangsa.

Difahamkan, setakat pukul 5.30 petang semalam, sebanyak 19 mangsa disahkan meninggal dunia, 15 lagi hilang, manakala bakinya selamat.

Mayat terbaru ditemui pada pukul 4.40 petang apabila dua beranak dijumpai berpelukan di tapak C.

Terdahulu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, angka senarai individu yang menyertai aktiviti perkhemahan itu diambil selepas mereka mendaftarkan nama kepada pengusaha tapak perkhemahan tersebut.

Bagaimanapun, katanya, kemungkinan terdapat pertambahan pada angka itu susulan terdapat keluarga yang tidak mendaftarkan nama anak mereka.

"Jadi untuk elakkan spekulasi, kita hanya terima pakai nama 94



PASUKAN SAR mengangkat mayat salah seorang mangsa tanah runtuh di Jalan Genting-Batang Kali semalam.

yang berdaftar sahaja.

"Mayat pertama ditemui pasukan mencari dan menyelamat pada pukul 5.40 pagi dan setakat pukul 11 pagi tadi (semalam) sebanyak 11 mangsa telah dijumpai. Sebanyak 23 lagi diklasifikasikan sebagai hilang dan operasi masih dilakukan," katanya pada sidang akhir di sini.

Menurut Saifuddin, kebanyakannya mangsa yang selamat bermalam di tapak khemah C iaitu kawasan kurang terjejas

berbanding di tapak A dan B.

Tambahnya, tragedi itu mengakibatkan bentuk asal tapak hilang daripada pandangan.

"Kerajaan mengarahkan supaya tapak perkhemahan di sekitar sini tidak lagi menerima pengunjung," katanya.

Ujar Saifuddin, trend aktiviti outdoor seperti perkhemahan meningkat ketika musim cuti sekolah.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai yang kehilangan ahli keluarga atau kenalan supaya melaporkannya kepada polis untuk dikumpulkan.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Dr. Zalina Mustafa memberitahu, pihaknya menghantar seorang pakar, dua pegawai perubatan dan pegawai lain ke lokasi sebaik menerima maklumat awal.

Katanya, tiga mangsa terselamat termasuk seorang ibu hamil dikategorikan dalam zon merah dan diantar ke Hospital Sungai Buloh.

Tanah runtuh

- 26 November 2022: Seorang maut akibat tertimbas bersama jenolok dalam kejadian tanah runtuh di Kampung Raja di Cameron Highlands
- 10 March 2022: Empat mati manakala 15 buah rumah ranap ditimpah tanah runtuh dalam kejadian di Jalan Teratai, Taman Bukit Permai 2 di Ampang, Kuala Lumpur
- 25 Januari 2022: Lima buah kereta tenggelam ditimpah tanah runtuh dalam kejadian di deretan rumah kedai di Jalan LP 1A/2 Lestari Perdana, Serdang Selangor
- 30 Jun 1995: Sebanyak 21 orang terbunuh dan 23 cedera apabila ditimpah tanah runtuh dalam kejadian di persimpangan Karak menghala ke Genting Highlands

Selayang.

"Mangsa mengalami kecederaan abdomen dan tulang belakang sebelum diantar ke Hospital Kuala Lumpur untuk pemantauan lanjut.

"Setakat ini, seramai tujuh mangsa diantar ke Hospital Kuala Kubu Bharu dan Hospital Sungai Buloh," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Wanita hamil antara yang cedera

SELAYANG - Seorang wanita hamil merupakan antara mangsa yang cedera dalam tragedi tanah runtuh pada pagi Jumaat.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, wanita itu merupakan salah seorang daripada tujuh mangsa yang sedang dirawat di tiga hospital di Lembah Klang setakat ini.

"Kita bimbang kalau ada apa-apa dengan kandungan dia tapi setakat ini alhamdulillah mangsa dalam keadaan stabil dan boleh berkomunikasi dengan kita cuma dia hanya mengalami pening dan sedang menerima rawatan.

"Tiga mangsa dirawat di Hospital Selayang, tiga di Hospital Kuala Kubu Bharu dan seorang mangsa di Hospital Kuala Lumpur (HKL) setakat jam 11 pagi," katanya dalam sidang media selepas melakukan lawatan di Hospital Selayang di sini pada Jumaat.

Mengulas lanjut, Zaliha berkata, setakat ini sebahagian besar kes cedera adalah dalam kategori zon hijau.

"Ada mangsa yang mengalami luka yang agak teruk dan kita telah ambil tindakan.

"Satu kes kategori zon merah dihantar terus ke HKL kerana ada kecederaan tulang belakang yang membimbangkan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Identiti 16 mayat belum dikenal pasti

SUNGAI BULOH-- Jabatan Forensik Hospital Sungai Buloh telah menerima 11 mayat se-takat jam 1.15 petang, manakala lima mayat sedang dalam perjalanan dari lokasi kejadian.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, bagaimanapun identiti kesemua mayat tersebut belum dikenal pasti.

"Pasukan perubatan forensik kini sedang mengumpul maklumat antemortem daripada waris yang berada di pekarangan Jabatan Forensik.

"Dengan adanya antemortem, akan dapat mempercepatkan proses pengecaman, seterusnya penyerahan mayat

kepada pihak waris setelah selesai bedah siasat," katanya dalam sidang akhbar pada Jumaat.

Beliau berkata, pasukan perubatan forensik menyediakan sebanyak lapan pasukan petugas melibatkan pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan dan pembantu perawatan kesihatan dengan dibantu petugas Jabatan Forensik, Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Puncak Alam bagi tujuan bedah siasat.

"Jabatan Forensik Hospital Sungai Buloh turut dibantu jabatan forensik hospital lain di sekitar Lembah Klang dan hospital universiti," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 39

RUANGAN : NASIONAL



Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa (tiga dari kiri) melawat mangsa kejadian tanah runtuh yang dirawat di Hospital Selayang.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION



Latest developments: Dr Zaliha addressing reporters during a press conference at Hospital Sungai Buloh.

AKHBAR : THE STAR**MUKA SURAT : 4****RUANGAN : NATION**

Zaliha: Autopsies underway, more remains expected

SUNGAI BULOH: The identities of victims whose remains were sent to Hospital Sungai Buloh have yet to be identified, says the Health Minister.

Dr Zaliha Mustafa said the authorities had not yet been able to determine the identities of the 11 bodies at the hospital as at 1.15pm yesterday.

"We expect more (remains) to be sent over from the scene of the incident.

"We have to follow the SOP (standard operating procedure). We have not done a Covid-19 test (on the deceased), we are all still waiting," she told a press conference at the hospital yesterday.

She also said it could not be confirmed yet when the post-mortems would be completed.

In a statement, Hospital Sungai Buloh said its forensic department had received the remains of 11 victims as at 1.15pm, while the remains of five more victims were being transported from the landslide scene.

It said the forensic medical team had formed teams consisting of medical officers, assistant medical

officers and healthcare assistants to conduct the post-mortems with the help of staffers from the forensic department of Al-Sultan Abdullah Hospital UiTM Puncak Alam and other hospitals around the Klang Valley, including the University Malaya Medical Centre.

"The forensic medical team is currently collecting ante-mortem information from the next of kin who are currently at the hospital premises.

"The ante-mortem information will help speed up the process of identification and the handover of the body to the next of kin after the autopsies are completed," added the hospital.

In the predawn landslide that struck a campsite in Batang Kali yesterday, at least 21 campers lost their lives and 12 others were still missing.

There were an estimated 94 visitors camping at the premises.



Watch the video

TheStarTV.com

